

 MDBG	JABATAN PELESENAN, MAJLIS DAERAH BATU GAJAH, JALAN HAJI ABDUL WAHAB, 31000 BATU GAJAH.		
	SYARAT – SYARAT PENJAJA BERGERAK		
	Syarat-Syarat/JP-MDBG/PB	No. Telefon	05-3632020-3632030
		No. Fax	05-3665930
		E-mail	pelesenan@mdbg.gov.my

1. Peniaga hendaklah mendapatkan Lesen Perniagaan yang sah daripada Pihak Majlis Daerah Batu Gajah.
2. Lesen tidak boleh dipindahmilik tanpa kebenaran bertulis daripada Yang Dipertua, Majlis Daerah Batu Gajah.
3. Peniaga hendaklah meletakkan tanda harga pada barangan jualan.
4. Bagi peniaga yang menjual makanan dan minuman hendaklah mendapatkan Suntikan Pelalian TAB dan menghadiri Kursus Wajib bagi pengendali makanan.
5. Bagi peniaga yang menjalankan perniagaan menjual barangan basah khususnya menjual ikan, ayam, udang dan seumpamanya hendaklah menyediakan tong bagi menadah air limpahan jualan tersebut. Para peniaga tidak dibenar mencurahkan ke atas permukaan jalan yang boleh mengakibatkan kekotoran kawasan dengan meninggalkan bau busuk dan hanyir. Bagi sisa ikan, ayam, udang dan lain lain hendaklah dimasukkan ke dalam karung plastik hitam dan diikat supaya mudah dilupuskan.
6. Peniaga dilarang meninggalkan dan membuang sampah sarap ke dalam longkang berhampiran dan sampah sarap hendaklah dimasukkan ke dalam karung plastik hitam yang diikat dengan kukuh dan hendaklah diletakkan di satu tempat yang dibenarkan.
7. Peniaga tidak dibenar menjalankan perniagaan di sekitar kawasan Pekan, Sekolah dan Pasar Awam.
8. Peniaga hendaklah mempamerkan Lesen Perniagaan semasa menjalankan perniagaan dan menyerahkan kepada pihak berkuasa **MAJLIS** apabila diminta.
9. Pemegang Lesen hendaklah mematuhi arahan secara bertulis mahupun lisan daripada Pegawai MDBG dan pihak berkuasa yang lain.
10. Yang Dipertua MDBG berhak menarik balik atau membatalkan Lesen Penjaja Bergerak ini jika pemegang lesen menyalahi Undang-Undang dan mana-mana syarat yang dikenakan.
11. Pengusaha hendaklah mematuhi Peraturan-Peraturan dan Undang-Undang yang berkuatkuasa dari masa kesemasa.

ARAHAN :-

**YANG DIPERTUA,
MAJLIS DAERAH BATU GAJAH.**